

11 MAY 2001

Mahathir-Sejarah (Bergambar)

DR MAHATHIR AJAK ORANG MELAYU PELAJARI SEJARAH

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak orang Melayu mengingati kembali sejarah supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang boleh menyebabkan mereka hilang kuasa di negara sendiri.

Sambil mengimbas sejarah keagungan empayar Melaka, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata orang Melayu perlu mengelakkan kesilapan seperti kurang yakin kepada diri sendiri, tidak bersatu dan meminta pertolongan daripada kuasa asing.

Beliau berkata jika orang Melayu hilang kuasa di negara sendiri maka mereka akan menjadi daif dan terpaksa merayau-rayau ke bahagian lain dunia dan ditekan oleh orang lain.

Dr Mahathir berucap pada majlis "Memperingati Perjuangan Umno dan Pertemuan Presiden Umno Bersama Veteran" sempena ulang tahun ke-55 penubuhan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

"Kita perlu belajar daripada sejarah kerana sesiapa yang tidak belajar sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan kita masa dahulu.

"Kalau betul-betul kita ingin mengelak daripada terjebak ke dalam perangkap lama, kita mesti mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan dulu," katanya.

Majlis itu dihadiri lebih 2,500 orang di Dewan Merdeka.

Dalam ucapan lebih sejam itu yang banyak berkisar kepada penjajahan ke atas orang Melayu selama 450 tahun, Dr Mahathir berkata orang Melayu tidak hanya boleh berpegang kepada laungan slogan "Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia" seperti yang dikatakan oleh Hang Tuah.

"Jika tak mahu Melayu hilang di dunia maka belajarlah dari sejarah dan elakkan kesalahan dulu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Empayar Melaka yang begitu besar pada suatu ketika, jatuh akibat pentadbiran dan ketenteraannya tidak disusun rapi dan tidak mengikut peredaran masa dan kejatuhan itu membawa kepada penjajahan berterusan ke atas orang Melayu oleh orang Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun.

Beliau berkata orang Melayu telah membuat kesilapan dari aspek politik dengan bersedia menerima kuasa asing untuk membantu memberikan perlindungan kepada mereka sehingga mereka kehilangan kuasa apabila semua negeri Melayu dijajah.

"Kita hilang kuasa di negeri kita kerana kita sering bertelingkah sesama kita dan orang asing mengambil kesempatan menakluki kita," katanya.

Beliau berkata dari segi ekonomi pula orang Melayu tidak sanggup menjalankan kerja-kerja berat sehingga memberi peluang kepada British untuk membawa masuk orang India dan Cina bekerja di sektor-sektor tertentu.

"Kerana orang Melayu tidak sanggup kerja kuat orang asing (Cina dan India) datang. Kalau kita sanggup bekerja kuat tidak ada tempat lagi bagi mereka (orang asing)," katanya.

Dr Mahathir berkata jika tidak kegawatan yang berlaku pada awal 1930-an berikutan kejatuhan nilai getah maka rakyat asing yang kembali ke negara mereka berikutan kegawatan itu, mungkin sudah menjadi kaum majoriti negara ini yang tentunya akan menyebabkan kehilangan kuasa orang Melayu.

Orang Melayu hanya sedar mengenai kesilapan dan kesalahan masa lepas apabila penjajah Inggeris bercadang membentuk Malayan Union yang menghakis hak-hak orang Melayu sebagai orang asal negara ini.

"Jika British tidak rancang Malayan Union, saya rasa orang Melayu tidak

bersatu padu dan berusaha membangunkan diri," katanya.

Dalam ucapan itu Dr Mahathir turut melahirkan kekhawatiran kerana sudah ada tanda-tanda bahawa kesilapan lampau akan berulang kerana dalam Umno hari ini sudah ada mereka yang mementingkan diri sendiri daripada parti sehingga sanggup mengamalkan politik wang.

"Ini akan membawa kehancuran kepada orang Melayu. Semua ini petanda kita ini akan hancur...bahawa apa yang berlaku 50 tahun yang lalu akan diulangi pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Perdana Menteri berkata sudah ada parti orang Melayu seperti PAS yang sanggup bersekongkol dengan parti lain sehingga sanggup berkompromi dalam hal-hal yang membabitkan hak-hak istimewa orang Melayu semata-mata untuk mendapatkan sokongan.

"Ini bawa alamat tidak baik kepada masa depan orang Melayu jika lebih mengutamakan parti dari perpaduan. Kita mungkin akan dijajah dan hilang kuasa...ini satu kemungkinan besar," katanya lagi.

-- BERNAMA

RV ZAI SHS AHH RON